

04/05/2003

Pengusaha industri pertanian diberi insentif

PARIT: Kerajaan bersedia memberi insentif seperti taraf perintis dan bebas cukai kepada pengusaha industri berasaskan pertanian yang mampu mewujudkan sumber pendapatan tambahan kepada penduduk luar bandar.

Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan juga akan menyediakan kawasan khas lengkap dengan kemudahan infrastruktur yang lazimnya diberi kepada kilang seperti elektronik, untuk pembinaan kilang-kilang yang mengeluarkan produk berasaskan pertanian.

Abdullah berkata, penduduk luar bandar yang kebanyakannya terbabit dalam sektor pertanian mempunyai kemahiran untuk menghasilkan produk berasaskan pertanian tetapi kurang diberi peluang berbuat demikian.

"Petani boleh terbabit dalam pengeluaran produk tambah nilai yang memberikan pulangan yang lebih. Tetapi mereka perlu berubah fikiran dan bersedia ke arah itu," katanya ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama

Rakyat sempena Ekspo K3P peringkat negeri Perak di Padang Sekolah Menengah

Datuk Abdul Rahman Yaakob di Bota Kanan dekat sini, semalam.

Majlis turut dihadiri lebih 10,000 penduduk termasuk Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali; Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Usahawan dan Penerangan negeri merangkap Pengerusi K3P negeri, Datuk Ramly Zahari.

Abdullah berkata, beliau juga mencadangkan kepada pihak bank supaya memberi perhatian kepada perkembangan industri baru seperti itu dengan membantu memudahkan pinjaman kepada pihak terbabit dalam industri berkenaan.

Beliau berkata, pihak bank memberi maklum balas positif kepada saranan itu.

"Satu seminar khas akan diadakan antara semua ahli perbankan bagi membincangkan bagaimana kita akan melaksanakan perkara ini supaya ia menjadi satu kenyataan," katanya.

Pemangku Perdana Menteri berkata, cadangan pendekatan itu bertujuan memakmurkan golongan petani sesuai dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu menjadikan sektor pertanian negara ini dipermodenkan.

"Cara ini maknanya kita akan dapat mewujudkan sumber pendapatan tambahan dan baru bagi rakyat di kawasan luar bandar yang terbabit dengan pertanian.

"Keduanya kita akan mewujudkan sumber kekayaan baru. Kalau hari ini seorang petani kaya dengan ladang pisang, dia (akan) jadi kaya kerana dia ada saham atau terus memiliki kilang hasil produk pisang," katanya.

Beliau berkata, cara itu juga membolehkan pembangunan dan pelbagai peluang dapat diagihkan secara saksama tanpa mengira kawasan.

"Melalui cara ini barulah pembangunan dapat diagihkan, peluang itu biarlah saksama...inilah yang saya maksudkan mewujudkan sumber pendapatan baru dan tambahan serta sumber kekayaan baru.

"Semua yang dirancang kita nak laksanakan demi masa depan yang lebih maju untuk rakyat kita terutama kaum Melayu, India dan Cina di kawasan luar bandar," katanya.